

Tingkat 2, Blok A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG**

SUK.PHG/PSM.001/2.162 (42)

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
BILANGAN 2 TAHUN 2013**

**PENYERTAAN PEGAWAI / KAKITANGAN
KE KURSUS / LATIHAN / SEMINAR / BENGKEL / KONVENSYEN YANG
DIANJURKAN OLEH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang ini bertujuan menjelaskan mengenai penyertaan Pegawai / Kakitangan Jabatan / Agensi Negeri dan ke Kursus / Latihan / Seminar / Bengkel / Konvensyen yang dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang yang telah diadakan pada 26 Disember 2012 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNG) yang telah diadakan pada 27 Disember 2012 telah memutuskan mengenai Pelaksanaan Penguatkuasaan Ketidakhadiran Pegawai/Kakitangan Jabatan / Agensi Negeri ke Kursus / Latihan / Seminar / Bengkel / Konvensyen yang dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

3. PELAKSANAAN

Bagi memastikan penyertaan Pegawai/Kakitangan Jabatan Negeri ke Kursus / Latihan / Seminar / Bengkel / Konvensyen yang dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dapat dilaksanakan dengan teratur, Ketua Jabatan / Agensi perlu mengambil tindakan seperti berikut :-

- i) Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan semua pegawai/kakitangan yang telah dipilih atau dicalon atau telah mengesahkan kehadiran peserta bagi sesuatu Kursus / Latihan / Seminar / Bengkel / Konvensyen adalah **wajib** hadir. Sekiranya, Pegawai/Kakitangan yang telah dipilih tidak dapat hadir, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menggantikan peserta lain yang sama Gred dan Jantina untuk menghadiri Kursus / Latihan / Seminar / Bengkel / Konvensyen.
- ii) Sebarang ketidakhadiran ke Kursus / Latihan / Seminar / Bengkel / Konvensyen perlu mengemukakan **Surat Tunjuk Sebab melalui Ketua Jabatan kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)**. Sekiranya calon peserta Kursus / Latihan / Seminar / Bengkel / Konvensyen tidak hadir tanpa sebarang alasan yang munasabah, **segala kos dan perbelanjaan peserta seperti kos penginapan, makanan dan lain-lain yang berkaitan adalah ditanggung oleh Jabatan/Agensi.**
- iii) Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan semua Pegawai/Kakitangan menghadiri kursus sebanyak 7 hari setahun.

4. PEMAKAIAN

Semua Jabatan Negeri dan Agensi di Negeri Pahang adalah tertakluk di bawah peruntukan Surat Pekeliling ini.

5. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"Komited, Proaktif, Responsif"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.)

Tarikh : 01/02/13

Salinan kepada :-

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Semua Setiausaha Bahagian / Ketua Unit, Pejabat SUK Pahang

Semua Ketua Jabatan Negeri Pahang

Semua Pegawai Daerah Negeri Pahang